

## **RESPON KERAJAAN MALAYSIA TERHADAP PEMERDAGANGAN MANUSIA, 2010-2015**

### ***THE RESPONSE OF MALAYSIAN GOVERNMENT TOWARDS HUMAN TRAFFICKING, 2010-2015***

**Lili Yulyadi Arnakim\***

**Jabatan Hubungan Antarbangsa, Universitas Bina Nusantara (BINUS),  
Jakarta, Indonesia**

**Muhamad Zulhadis\*\***

**Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia**

#### **Abstrak**

Artikel ini membincangkan respon kerajaan Malaysia terhadap jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia dari 2010 sampai 2015. Pemerdagangan manusia berpunca daripada pelbagai faktor sama ada faktor seseorang mangsa itu sendiri atau faktor lain. Ekoran daripada wujudnya kegiatan pemerdagangan manusia ini sememangnya negara yang akan menanggung kesan negatif dan imej negara di mata antarabangsa sudah pasti tercalar. Oleh itu, pengenalan beberapa dasar khusus bagi membanteras pemerdagangan manusia ini telah digubal oleh pihak kerajaan. Dasar-dasar berhubung isu pemerdagangan manusia ini sangat penting bagi melihat sejauh mana kerajaan berusaha dan bertindak bagi mengekang jenayah rentas sempadan ini. Penguatkuasaan undang-undang oleh agensi-agensi penguatkuasa utama negara merupakan respon atau tindakan daripada dasar yang telah digariskan oleh kerajaan. Dengan kerjasama yang diwujudkan melalui Jawatankuasa Penguatkuasaan di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyaludutan Migran (MAPO), agensi-agensi penguatkuasa ini dilihat mempunyai kekuatan dan mampu membantu satu sama lain bagi menguatkuasakan undang-undang berhubung pemerdagangan manusia. Kerajaan juga pernah mendapat kritikan daripada pihak Amerika Syarikat berhubung aspek perlindungan yang tidak memenuhi kehendak dan piawaian yang diperlukan oleh Amerika Syarikat. Namun, dengan beberapa penambahbaikan serta peningkatan kerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), Kerajaan Malaysia berusaha gigih untuk memberikan yang terbaik kepada mangsa-mangsa perlindungan ini sekali gus mematuhi kehendak Amerika Syarikat dan membaiki kedudukan *Tier* Malaysia ke kedudukan yang lebih baik.

**Kata kunci:** Pemerdagangan manusia, blueprint kerajaan Malaysia, Penguatkuasaan, Kerjasama, dan Perlindungan

#### **Abstract**

*This article aims at discussing the Malaysian government's response towards human trafficks in Malaysia from 2010-2015. Human trafficking in Malaysia has been emanated from various factors that include individual victims, themselves, or external factors. This human trafficking has to some extent, led to the emergence of negative perception, and tarnished the image of the country. As such the Malaysian government has introduced policy blueprints for combating the human*

*trafficking. This blueprint is important to examine how serious is the government in combating the crossed country human trafficking. Law enforcement which has been carried out by the government agencies is one of the responses that was provided by the Government. With the strong collaboration from Anti trafficking council and anti migrant smuggling (MAPO), enforcement agencies which have been perceived as committed and mutually assisting in the case of human trafficking issues. The government was severely critized by the USA in the human trafficking issues for being unable to exercise the standard requirements which was agreed among the USA. However due to enhancement and committed cooperation with Non-Governmnet Organizations, Malaysian government has attempted to provide the protection for vistims as coicided with meeting the USA requirement and refine the better tier position of Malaysia in the world.*

**Keywords:** Human Traffiking, Malaysian Blueprints, Laws Enforcement, Collaboration, And Victim's Protection

## Pengenalan

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pemerdagangan manusia merupakan salah satu kesalahan jenayah yang besar di dalam konteks kehidupan manusia yang mana ianya melanggar hak-hak asasi manusia. Jenayah ini perlu dihalang kerana ia akan merosakkan bangsa yang bertamadun untuk terus menikmati kebebasan hidup yang sempurna. Kebebasan seseorang manusia juga diikat dan tidak bebas untuk melakukan setiap aktiviti mengikut kehendak dan kemauan sendiri. Kehidupan seseorang manusia itu dipaksa tanpa kerelaan dirinya untuk melakukan sesuatu pekerjaan atau ditindas untuk mendapatkan keuntungan hasil daripada pekerjaan dilakukan.<sup>1</sup> Elemen-elemen utama yang terdapat dalam pemerdagangan manusia adalah dari segi aktiviti termasuklah perekutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan dan penerimaan. Dari segi cara, ia termasuk ancaman, paksaan, pemelarian, perdayaan, penipuan, penculikan, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain. Dari segi tujuan pula, ia bertujuan untuk eksplorasi seks, perhambaan, pengabdian, pemindahan organ, dan kerja paksa.<sup>2</sup>

Artikel ini bertujuan untuk mendiskusikan respon kerajaan Malaysia terhadap jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia dari 2010 sampai 2015. Artikel ini dibahagikan kepada 3 bahagian; Bahagian pertama, artikel ini membahas tentang faktor-faktor pendorong terjadinya pemerdagangan manusia seperti permintaan buruh yang murah, tawaran kerja, taraf pendidikan dan kemiskinan selain kesan pemberdagangan manusia. Bahagian kedua akan membincangkan tentang respon kerajaan Malaysia terhadap kes pemerdagangan manusia mulai dari pembuatan dasar-dasar kerajaan tentang anti-pemerdagangan manusia, tindakan penguatkuasaan terhadap kes pemerdagangan manusia sehingga usaha pihak kerajaan Malaysia dalam perlindungan dan pemulihan mangsa pemerdagangan manusia khususnya dari tahun 2010 hingga 2015. Bahagian terakhir akan menyimpulkan dan mengevaluasi usaha-usaha kerajaan dalam merespon kes pemerdagangan manusia di Malaysia.

## **Punca dan Kesan Pemerdagangan Manusia**

Terdapat beberapa punca yang menyebabkan terjadinya kes pemerdagangan manusia. Antaranya adalah perkhidmatan buruh murah, tawaran kerja, taraf pendidikan dan kemiskinan, dan kelemahan penguatkuasaan undang-undang.

### **Permintaan Perkhidmatan Buruh Murah**

Permintaan global terhadap perkhidmatan dan buruh murah ini memacu kepada jenayah kompleks yang memerangkap jutaan mangsa untuk bekerja dalam sektor yang membayar upah murah atau tiada upah langsung seperti pertanian, pembuatan, pembantu rumah dan industri pelacuran. Golongan muda, wanita dan kanak-kanak kebanyakannya diperdaya untuk menjadi buruh atau dieksplotasi secara seksual. Pemerdagangan manusia jelas menunjukkan kekejaman dan sifat tidak perikemanusiaan sebilangan individu demi mengaut keuntungan. Menurut Gyles-McDonough yang juga Wakil Residen Program Pembangunan PBB ke Malaysia, Singapura dan Brunei, berkata faktor penolak sosio-ekonomi seperti kemiskinan, ketidaksamaan gender, peluang kerja terhad dan kekurangan maklumat perlu ditangani. Faktor penarik pula adalah permintaan global terhadap perkhidmatan dan buruh murah yang menjadi punca jenayah kompleks ini memerangkap jutaan mangsa. Menurut Gyles-McDonough;

Sering kali orang muda, wanita dan kanak-kanak menjadi mangsa jenayah ini dalam usaha mereka sendiri atau keluarga untuk mencari pekerjaan bagi menampung kehidupan dan mencari peluang untuk memajukan diri sendiri. Dalam kes ini, mereka diperdaya untuk menjadi buruh atau dieksplotasi secara seksual.<sup>3</sup>

Kerancakan pembangunan ekonomi yang bukan sahaja menarik para pelabur ke Malaysia tetapi penghijrahan atau migrasi manusia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja untuk sektor perusahaan, perladagangan dan perkhidmatan. Keperluan tenaga ini telah membuka peluang kepada aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia.<sup>4</sup> Bagi buruh yang terikat, mangsa yang diseludup secara haram dipaksa melakukan kerja yang melampaui keupayaan dan sekiranya mangsa menolak akan diugut untuk diserahkan kepada pihak berkuasa. Mangsa akan dimanipulasi sepenuhnya dan berada di bawah pengawasan ketat. Sering juga terjadi mangsa didera dan tidak dibayar gaji.<sup>5</sup>

### **Tawaran Kerja**

Selain itu, kebanyakan daripada mangsa ini teruja untuk menikmati kehidupan yang serba mewah dan menggunakan barang yang berjenama. Mereka ini mudah menerima tawaran tanpa menyiasat kesahihannya. Mereka juga menerima tawaran pekerjaan dan gaji lumayan apabila bekerja di luar negara. Kemiskinan juga menyebabkan ramai orang menjadi mangsa pemerdagangan manusia. Kemiskinan mempunyai sebab-sebab yang berbeza. Pengedar (*trafficker*) sering menggunakan dan menabur janji dengan masa depan ekonomi yang lebih baik bagi menipu orang-orang untuk menerima tawaran bekerja di luar negara untuk diri sendiri atau anak-anak mereka. Janji pengedar tersebut adalah pembohongan semata-mata dan mereka menerangkan kepada mangsa-mangsa tentang peluang ekonomi di negara lain. Dalam pada itu, menurut bukti penemuan *International Organization of Migration (IOM)* bahawa pengedar juga bertindak balas terhadap permintaan untuk sektor pelacuran dengan memperdaya wanita secara

nyata untuk memenuhi permintaan pengguna. Dalam laporannya pada tahun 2002, “Women Trafficked for US Military Bases” mendapati bahawa lebih daripada 5,000 orang wanita telah diperdagangkan dari Eropah Timur, Filipina, dan Rusia untuk dilacurkan kepada tentera Amerika Syarikat yang ditempatkan di Korea Selatan.<sup>6</sup>

### **Taraf Pendidikan dan Kemiskinan**

Kebanyakan mangsa yang terlibat dalam kegiatan pemerdagangan manusia ini mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Perkara ini membuatkan mereka mudah diperdaya dan mangsa juga tidak tahu saluran yang betul yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini. Mungkin terdapat pekerjaan yang ada, tetapi orang yang memerlukan pekerjaan tidak mempunyai kemahiran dan pendidikan yang diperlukan oleh sektor pekerjaan. Kekurangan pekerjaan mungkin disebabkan oleh terlalu banyak orang yang ingin bekerja dalam sektor yang sama. Punca segelintir golongan ini tidak mempunyai pendidikan dan latihan yang diperlukan mungkin tidak ada sekolah-sekolah yang mereka mampu untuk pergi atau terlalu jauh dari rumahnya.<sup>7</sup>

Kemiskinan telah dikenal pasti sebagai faktor utama dalam sumber atau negara pengirim yang menunjukkan bahawa ancaman terhadap keselamatan ekonomi manusia menyumbang dan mendorong kepada pemerdagangan manusia dan ia sekali gus mengancam keselamatan negara. Negara-negara ini termasuk Myanmar, Kemboja, Laos, Vietnam, Filipina, dan Indonesia serta bahagian selatan di China iaitu negeri Yunnan. Sebagai contoh, seperti yang dilaporkan oleh *International Organization for Migration (IOM)*, kira-kira 15 % kanak-kanak di bawah umur 15 tahun telah diperdagangkan sebagai pelacur di Mekong. Dianggarkan bahawa 15-33% daripada kanak-kanak antara 9 tahun dan 16 tahun telah diperdagangkan setiap tahun dari Kemboja, iaitu sebuah negara miskin di rantau ini. Walau bagaimanapun, kira-kira 75% daripada kanak-kanak ini sebenarnya pendatang Vietnam di negara ini. Budaya Vietnam membenarkan ibu bapa untuk menggunakan anak-anak mereka dalam perniagaan yang menyalahi undang-undang seperti pelacuran kerana berlaku kemiskinan. Berbanding dengan Vietnam, lebih ramai anak-anak Kemboja diperdagangkan untuk menjadi pengemis di negara-negara jiran yang kaya seperti di Thailand dan Malaysia.<sup>8</sup>

### **Kelemahan Penguatkuasaan Undang-Undang**

Kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang juga dikatakan sebagai punca mengapa aktiviti pemerdagangan manusia mudah terjadi. Dalam Laporan Pemerdagangan Orang 2014 oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat bahawa Malaysia telah diturunkan kepada kedudukan *Tier 3*, daripada senarai pemerhatian (*Tier 2, Watch List*) kerana kegagalan mematuhi sepenuhnya standard minimum bagi penghapusan pemerdagangan orang di bawah Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat 2000 (TVPA), walaupun dua pengecualian berturut-turut telah diberikan kepadanya, masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Usaha Malaysia dalam memerangi pemerdagangan manusia dalam 3 aspek utama iaitu pendakwaan, perlindungan dan pencegahan adalah tidak memuaskan.<sup>9</sup> Menurut Tan Sri Bakri Zinin (mantan Timbalan Ketua Polis Negara) dalam *Seminar On National Resilience (SNAR)* menyatakan:

Masalah ekonomi dan ketidakstabilan politik beberapa buah negara di Asia Selatan turut mendorong mereka mengorbankan sejumlah wang simpanan atau harta pusaka untuk datang ke Malaysia mencari rezeki. Peraturan dan undang-undang imigrasi serta pekerjaan yang fleksibel membolehkan mereka datang bekerja di Malaysia dengan mudah.<sup>10</sup>

### **Kesan Pemerdagangan Manusia**

Pemerdagangan manusia telah menyebabkan wujudnya beberapa kesan kepada masyarakat dan negara. Antara kesan pemerdagangan manusia dapat dilihat dari segi imej negara, masalah pelacuran, keselamatan dan keamanan negara, dan beban perkhidmatan sosial.

#### **Imej Negara**

*USTIP Report* merupakan laporan penilaian terhadap usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat pada setiap tahun. Penilaian ini melibatkan 188 buah negara dan Malaysia telah mula dinilai mulai tahun 2006. Penilaian melibatkan pematuhan terhadap *Palermo Protocol* (UNTOC) dan *US Trafficking Victim Protection Act* (TVPA). Pada tahun 2014, Malaysia telah dinilai berada dalam *Tier 3* iaitu negara-negara yang tidak mematuhi sepenuhnya standard minimum dan tidak menjalankan usaha untuk mematuhi. Antara negara lain yang tergolong dalam *Tier 3* adalah Iran, Korea Utara, Kuwait dan lain-lain.<sup>11</sup> Kerajaan Malaysia tidak mematuhi sepenuhnya piawaian minimum untuk membanteras pemerdagangan manusia. Walau bagaimanapun, ia juga berusaha untuk berbuat demikian. Bagi kerajaan Malaysia, mereka menyatakan bahawa kerajaan telah menunjukkan komitmen yang lebih tinggi untuk menangani pemerdagangan manusia yang dijangka akan meningkatkan lagi siasatan dan pendakwaan terhadap kesalahan pemerdagangan buruh dan mengenal pasti kesalahan pemerdagangan buruh dan mengenalpasti mangsa pemerdagangan buruh.<sup>12</sup>

Dalam pada itu, tindakan penalti boleh dikenakan kepada negara yang berada di *Tier 3*. Negara yang berada di *Tier 3* tertakluk kepada sekatan tertentu, di mana kerajaan Amerika Syarikat boleh menahan atau menarik balik *nonhumanitarian* dan bantuan asing bukan berkaitan perdagangan. Negara-negara pada kedudukan *Tier 3* tidak boleh menerima pembiayaan untuk penyertaan kakitangan kerajaan dalam program pertukaran pendidikan dan budaya.<sup>13</sup> Sementara itu, *USTIP Report* merupakan laporan penilaian terhadap usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat pada setiap tahun. Penilaian ini melibatkan sebanyak 188 buah negara dan Malaysia telah dinilai mulai tahun 2006. Penilaian melibatkan pematuhan terhadap dua aspek iaitu *Palermo Protocol* (UNTOC) dan *US Trafficking Victim Protection Act* (TVPA).<sup>14</sup>

| <b>US TIP REPORT</b>           |  |
|--------------------------------|--|
| <b>TIER 1</b>                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara-negara yang mematuhi sepenuhnya standard minimum <i>Trafficking Victim Protection Act (TVPA)</i> untuk membanteras jenayah pemerdagangan manusia.</li> <li>• Contoh negara : Australia, Jepun, Korea Selatan</li> </ul>  |
| <b>TIER 2</b>                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara-negara yang tidak mematuhi piawaian TVPA secara minimum tetapi membuat usaha penting dan berterusan untuk memenuhinya.</li> <li>• Contoh negara : Indonesia, India, Bangladesh, Brunei</li> </ul>  |
| <b>TIER 2<br/>(Watch List)</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara-negara yang tidak mematuhi sepenuhnya standard piawaian TVPA tetapi membuat usaha penting untuk membawa diri mereka ke dalam pematuhan dengan piawaian, dan :           <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Bilangan mangsa meningkat dengan ketara;</li> <li>b) Kegagalan membuktikan terdapat usaha yang dijalankan bagi memerangi segala bentuk jenayah pemerdagangan orang daripada tahun sebelumnya termasuk penyiasatan, pendakwaan, dan sabitan kes;</li> <li>c) Menunjukkan bahawa negara sedang menjalankan usaha untuk mematuhi piawaian TVPA dan sedang mengambil langkah-langkah penambahbaikan bagi penilaian bagi tahun hadapan.</li> </ol> </li> <li>• Contoh negara: Malaysia, Tonga, Maldives, Macau</li> </ul> |
| <b>TIER 3</b>                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara-negara yang tidak mematuhi sepenuhnya standard minimum dan tidak menjalankan usaha untuk mematuhi</li> <li>• Contoh negara : Iran, Korea Utara, Kuwait.<sup>15</sup></li> </ul>  |

### Masalah Pelacuran

Mangsa pemerdagangan manusia juga turut dieksplotasi untuk kegiatan pelacuran. Pelacuran merupakan isu kontroversi yang sentiasa mendapat perhatian masyarakat sejak dahulu hingga sekarang. Pelacuran juga merupakan satu fenomena yang serius memandangkan ia boleh mempengaruhi aspek kehidupan masyarakat daripada segi moral, fizikal dan rohani. Kemunculan penyakit AIDS yang tidak boleh dirawat menambahkan lagi kebimbangan masyarakat terhadap aktiviti pelacuran. Penyebaran penyakit *Human Immunodeficiency Virus (HIV)* dan *Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS)* sukar untuk dibendung dan sehingga tahun 2003 terdapat 42 juta penduduk dunia yang hidup dengan HIV/AIDS. Pada tahun 2002 dianggarkan lima juta penduduk dunia dijangkiti HIV/AIDS dan pada masa yang sama, tiga juta mati kerana AIDS.<sup>16</sup>

Menurut ruangan “Annual retrospect for the year 1863”, dalam *Singapore Free Press* (25 November 1853) kegiatan pelacuran di Negeri-Negeri Selat wujud sebaik sahaja ketibaan wanita imigran Cina pertama di Negeri-Negeri Selat pada tahun 1853. Wanita yang tiba itu dikatakan berkaki kecil kerana tapak kakinya diikat. Pada tahun 1854, pedagang dari Amoy (sebuah tempat di Fukien) membawa isteri bersama-sama ke Pulau Pinang berikutnya kejadian pemberontakan yang berlaku di China pada Mei dan November 1853. Selain itu, *Pinang Gazette* pernah menyarankan supaya kerajaan berhubung terus dengan wanita yang tamat kontrak perkhidmatan seks demi menjamin keselamatan mereka. Pada tahun 1863, *Singapore Free Press* mendedahkan bahawa ramai wanita imigran Cina diimport atau diseludup oleh pihak kongsi gelap Cina untuk menunjukkan pengaruh mereka. Kegiatan pelacuran terus berkembang sehingga Pulau Pinang muncul sebagai pusat pelacuran terpenting di Tanah Melayu selain Kuala Lumpur dan Singapura.<sup>17</sup> Sememangnya tidak dinafikan tiada industri seks di Malaysia namun wujud tempat-tempat pelacuran. Kewujudan tempat-tempat pelacuran ini sebenarnya boleh mendatangkan kesan buruk kepada moral dan sosial masyarakat di Malaysia. Selain itu, kewujudan tempat pelacuran juga akan menyebabkan aktiviti pemerdagangan manusia terutama eksloitasi seks terhadap wanita akan lebih bertambah.

### **Keselamatan dan Keamanan Negara**

Pemerdagangan manusia memberi implikasi terhadap keselamatan negara Malaysia. Ia memberi peluang kepada *Transnational Organization Crime* (TOC) dan ia mencipta banyak kekacauan awam dalam negara penerima seperti Malaysia. Kerajaan Malaysia tidak menganggap masalah ini sebagai satu masalah pemerdagangan tetapi hanya sebagai satu isu penyeludupan. Oleh kerana mendefinisikan penyeludupan yang bermakna orang (mangsa) telah bersetuju untuk diangkut secara haram dan dianggap sebagai pendatang haram dan bukan pemerdagangan manusia. Kesan jenayah pemerdagangan manusia ini pada mangsa semestinya mengalami trauma akibat penderaan fizikal dan emosi yang dasyat. Walaupun dibebaskan selepas diselamatkan, ia mengambil masa yang lama untuk penyembuhan. Sebahagian daripada kanak-kanak dan wanita yang dipaksa untuk pelacuran atau eksloitasi seks dan dipaksa untuk mengemis telah mengalami kecederaan fizikal dan ada yang menghidap HIV/AIDS dan perkara ini menyebabkan mangsa mengalami tekanan dalam meneruskan kehidupan.<sup>18</sup>

### **Beban Perkhidmatan Sosial**

Masalah pemerdagangan manusia ini menyebabkan berlakunya beban perkhidmatan sosial terutama kepada pihak kerajaan. Perkhidmatan sosial seperti kesihatan, pendidikan dan perlindungan terpaksa ditanggung oleh kerajaan. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa pembaharuan, antaranya dengan melaksanakan Projek Rintis Rumah Perlindungan (RP) bagi mangsa-mangsa pemerdagangan manusia yang disokong oleh Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs). Dana permulaan sebanyak RM 801, 000.00 bagi tujuan pelaksanaan tersebut telah diluluskan.<sup>19</sup> Ekoran berlakunya pemerdagangan manusia ini, kerajaan terpaksa berbelanja jutaan ringgit bagi mencegah, menguatkuasakan dan melindungi mangsa-mangsa pemerdagangan manusia. Beban perkhidmatan sosial ini yang sepatutnya boleh digunakan untuk

tujuan pembangunan negara terpaksa dibelanjakan bagi tujuan mengatasi pemerdagangan manusia.

### **Dasar-Dasar Yang Dibuat Oleh Kerajaan Malaysia**

Memandangkan aktiviti pemerdagangan manusia merupakan aktiviti jenayah rentas sempadan yang bersifat global dan memberi kesan yang negatif, Malaysia mengambil beberapa langkah dengan menggariskan dasar dan undang-undang bagi menangani masalah tersebut. Kerajaan Malaysia menyedari akan kepentingan untuk mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dan Pelan Tindakan Kebangsaan sebagai instrument bagi menangani jenayah ini terutamanya yang menyentuh mengenai bidang pencegahan, pemulihan dan perlindungan mangsa pemerdagangan manusia

### **Penubuhan Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran**


Akta Antipemerdagangan Orang 2007 adalah sebahagian daripada undang-undang Malaysia di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri. Akta ini merupakan pelengkap kepada undang-undang berkaitan yang sedia ada tetapi dengan kelebihan bahawa jika mana-mana undang-undang yang sedia ada bercanggah dengannya, maka undang-undang Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ini terpakai. Akta Antipemerdagangan Orang (AAPO) ini juga ditadbir di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO) 2007 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan bertanggungjawab kepada Menteri Dalam Negeri sebagai tertinggi Akta Antipemerdagangan Orang 2007.<sup>20</sup>

Sumber rujukan utama dalam mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 adalah berdasarkan kepada instrument-instrumen antarabangsa iaitu *Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons, especially Women and Children (TIP Protocol)* dan *Protocol Against the Smuggling of Migrants by Land, Sea and Air*. Kedua-dua protokol ini adalah instrumen yang menyokong *United Nations Convention Against Transnational Organized Crime (UNTOC)*. Malaysia telah menandatangani dan meratifikasi konvensyen ini dan menyertai TIP Protocol.<sup>21</sup>

### **Penubuhan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO)**

Dalam bahagian II Akta Antipemerdagangan Orang 2007, ia juga telah memperuntukkan penubuhan sebuah Majlis Bagi Antipemerdagangan Orang di samping menggariskan peranan dan fungsi majlis tersebut. Struktur organisasi Majlis Antipemerdagangan Orang diketuai oleh Menteri Dalam Negeri. Di bawahnya dianggotai oleh Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

Rajah 1: Struktur Organisasi Majlis Anti Pemerdagangan Orang




Sumber: Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015), Kementerian Dalam Negeri.

Di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang ini terdiri daripada Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Penguatkuasaan, Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan Mangsa, Jawatankuasa Khas Mengenai Pemerdagangan Buruh dan Jawatankuasa Media dan Publisiti. Dalam organisasi ini juga terdiri daripada ahli-ahli iaitu seperti Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Imigresen, Ketua Pengarah Kastam, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), wakil Kementerian Dalam Negeri, Wakil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), wakil *National Council of Women's Organisations* (NCWO) dan wakil Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).<sup>22</sup>

Dalam pada itu, lima (5) buah badan bukan kerajaan (NGOs) yang terdiri dalam ahli Majlis Antipemerdagangan Orang ini adalah terdiri daripada *National Council of Women's Organisations* (NCWO), Majlis Kanak-Kanak Malaysia (MKKM), Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) UKM, *Coalition to Abolish Modern Day Slavery* (CAMS), dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Jawatankuasa Majlis Antipemerdagangan Orang ini pula terdiri daripada Jawatankuasa Perundungan yang diketuai oleh Jabatan Peguam Negara, Jawatankuasa Penguatkuasaan pula diketuai oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jawatankuasa Perlindungan dan Perlindungan Mangsa pula diberikan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jawatankuasa Media dan Publisiti pula diberikan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia, dan Jawatankuasa Pemerdagangan Buruh pula diberikan kepada Kementerian Sumber Manusia.

Rajah 2: Ahli Majlis Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran



Sumber: Informasi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, Kementerian Dalam Negeri.

Bagi penguatkuasaan, terdapat beberapa agensi yang diletakkan di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang. Antaranya adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(APMM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Jabatan Tenaga Kerja ini mula diletakkan di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang bermula 15 November 2010.<sup>23</sup>

Majlis Antipemerdagangan Orang ini memainkan beberapa peranan dan fungsi yang penting. Berikut adalah peranan dan fungsi Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran :

- i. Merumus dan menyelia pelaksanaan pelan tindakan kebangsaan mengenai pencegahan dan pemberantasan pemerdagangan orang termasuklah bantuan dan perlindungan kepada orang yang diperdagangkan.
- ii. Membuat syor kepada Menteri tentang segala aspek pencegahan dan pemberantasan pemerdagangan orang.
- iii. Mengawasi corak imigrasi dan emigrasi di Malaysia bagi bukti pemerdagangan dan mendapatkan respons segera agensi atau badan kerajaan yang berkaitan, dan pertubuhan bukan kerajaan tentang masalah pemerdagangan orang yang dibawa kepada perhatian mereka.
- iv. Menyelaraskan perumusan dasar dan mengawasi pelaksanaanya ke atas isu-isu pemerdagangan orang yang berkaitan dengan agensi atau badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan.
- v. Merumuskankan dan menyelaraskan langkah-langkah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada orang awam, termasuk orang-orang yang berkemungkinan diperdagangkan, tentang sebab dan akibat pemerdagangan orang.
- vi. Bekerjasama dan menyelaras dengan badan antarabangsa dan badan atau jawatankuasa serantau lain yang serupa berhubung dengan masalah dan isu pemerdagangan orang termasuk bantuan dan perlindungan kepada orang yang diperdagangkan.
- vii. Menasihati kerajaan mengenai isu pemerdagangan orang termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa terhadap perbuatan pemerdagangan orang.
- viii. Mengumpul dan mengumpul semak data dan maklumat, dan memberi kuasa bagi penyelidikan, berhubung dengan pencegahan dan pemberantasan pemerdagangan orang.
- ix. Melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri bagi pelaksanaan akta ini dengan sewajarnya.

Selain itu, Majlis Antipemerdagangan Orang akan bersidang setiap bulan bagi menangani isu-isu polisi dan operasi. Mesyuarat tersebut akan membolehkan koordinasi dan interaksi antara jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah majlis.<sup>24</sup>

### **Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015)**

Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) telah dirangka untuk menentukan secara jelas hala tuju dan fokus di dalam mencapai matlamat nasional untuk mencegah dan membanteras masalah pemerdagangan manusia. Oleh itu, Pelan Tindakan Kebangsaan ini menggariskan objektif-objektif berikut iaitu menentukan hala tuju strategik untuk tempoh lima tahun; matlamat strategik yang akan memandu dan memacu usaha-usaha nasional untuk membanteras jenayah pemerdagangan manusia; dan bidang-bidang program untuk menyokong dan memastikan keberkesanan pelaksanaan matlamat strategik.

### **Matlamat Strategik Dalam Pelan Tindakan Kebangsaan (2010-2015)**

Selain itu, beberapa matlamat strategik juga turut terkandung dalam Pelan Tindakan Kebangsaan (2010-2015) ini. Kerajaan telah menggariskan sembilan (9) matlamat utama bagi merealisasikan visi nasional dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia serta memastikan keberkesanan Pelan Tindakan Kebangsaan (2010-2015) ini. Antara sembilan (9) matlamat strategik tersebut adalah:

- i. Mempertingkatkan tindakan terhadap jenayah pemerdagangan orang dengan memperkuuhkan kerangka perundangan;
- ii. Melaksanakan tindakan bersepadu dalam kalangan agensi-agensi penguatkuasaan;
- iii. Meningkatkan tahap kesedaran awam melalui penyaluran maklumat kepada masyarakat;
- iv. Memberikan perkhidmatan perlindungan dan pemulihan yang mematuhi standard antarabangsa;
- v. Membanteras pemerdagangan buruh;
- vi. Merancang dan melaksana latihan secara bersepadu untuk melatih personel yang terlibat dalam melaksanakan Akta Antipemerdagangan Orang 2007;
- vii. Membangunkan sistem pengurusan maklumat untuk agensi-agensi Kerajaan dalam menangani jenayah pemerdagangan orang;
- viii. Mengadakan kerjasama domestik dan antarabangsa,dan;
- ix. Mempertingkatkan tadbir urus.<sup>25</sup>

Bagi menjayakan dan merealisasikan matlamat strategik yang telah disusun, sembilan (9) bidang program telah dikenal pasti bagi menyokong sembilan (9) matlamat strategik yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Kebangsaan (2010-2015).

#### a) Memperkuuhkan Mekanisme Perundangan

Keberkesanan pelaksanaan undang-undang yang telah dikuatkuaskan boleh dicapai dengan membuat kajian semula dan memperbaiki undang-undang terutamanya yang berkaitan dengan penyiasatan dan pendakwaan. Prosedur Operasi sedia ada boleh dikaji semula sekiranya dirasakan perlu untuk mempertingkatkan lagi tahap siasatan, perlindungan dan pendakwaan selaras dengan kehendak semasa. Adalah diharapkan dengan menyenaraikan jenayah pemerdagangan manusia di dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613), ianya akan dapat mencegah daripada berlakunya jenayah ini.

#### b) Tindakan Bersepadu dalam Kalangan Agensi Penguatkuasaan

Pelaksanaan tindakan bersepadu dalam kalangan agensi-agensi penguatkuasaan terutamanya yang melibatkan pertukaran maklumat, kawalan di pintu-pintu masuk negara, pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan adalah bagi memastikan mangsa-mangsa pemerdagangan manusia diberikan perlindungan sewajarnya manakala mereka yang melakukan jenayah ini diberikan hukuman setimpal. Pelaksanaan tindakan bersepadu ini akan memberikan fokus kepada koordinasi semasa melakukan operasi, aktiviti-aktiviti serbuan rambang dan penggunaan peralatan dan logistik yang moden seperti kamera litar tertutup (CCTV) untuk mengesan jenayah pemerdagangan manusia.

Agensi-agensi penguatkuasaan juga perlu menyediakan sistem yang mudah bagi membolehkan orang ramai membuat laporan tentang jenayah ini dengan cepat. Sistem laporan dan perkhidmatan talian “hotline” perlu bersifat mesra pelanggan dan efisien. Data dan maklumat yang bersepada termasuk statistik dan laporan perlu sentiasa perlu dikemukakan kepada Majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan agensi-agensi penguatkuasaan.

c) Kesedaran Awam dan Pencegahan

Salah satu daripada strategi utama untuk mencegah dan membanteras jenayah pemerdagangan manusia adalah dengan mengadakan program kesedaran awam untuk mewujudkan masyarakat yang maklum, bertanggungjawab dan responsif mengenai jenayah ini. Program kesedaran awam secara besar-besaran akan dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai bentuk komunikasi untuk memberi kesedaran dan mendidik orang ramai mengenai bahaya jenayah pemerdagangan manusia termasuk implikasinya kepada hak asasi manusia dan keselamatan negara. Sumbangan orang ramai dalam membanteras jenayah ini akan turut ditekankan. Selain daripada itu, kempen kesedaran awam tersebut adalah juga untuk memaklumkan kepada orang ramai dan agensi-agensi Kerajaan mengenai Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Akta 670), aspek hak asasi manusia serta perlindungan kepada mangsa dan hukuman kepada penjenayah.

Selain itu, bina upaya serta usaha bagi mendapatkan sokongan ketua-ketua komuniti dalam membentuk pandangan dan tindakan umum yang selaras dengan komitmen dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk membanteras jenayah ini akan turut dilaksanakan. Adalah penting bagi program-program kesedaran dan pencegahan yang lebih berkesan. Maklumat-maklumat akan disalurkan kepada masyarakat terutamanya kepada golongan lelaki, majikan dan agensi-agensi pelancongan bagi mengurangkan permintaan yang boleh menjurus kepada berlakunya jenayah pemerdagangan manusia.

d) Perlindungan dan Pemulihan

Bagi Kerajaan, adalah perlu bagi menyediakan tempat perlindungan dan kemudahan-kemudahan asas lain yang mematuhi standard minima antarabangsa. Kemudahan asas dan keperluan perlu disediakan untuk keselesaan mangsa-mangsa jenayah ini supaya mereka merasa selamat dan terkawal. Penyediaan pusat pemulihan yang mempunyai perkhidmatan yang berdasarkan kepada amalan-amalan terbaik adalah signifikan untuk membantu mental dan emosi mangsa-mangsa tersebut semasa proses pemulihan. Sehubungan itu, mangsa-mangsa berkenaan akan berada dalam keadaan yang tenang dan bersedia untuk membantu dari aspek siasatan dan pendakwaan.

Oleh itu, dalam memastikan keberkesanan proses pemulihan kepada mangsa, adalah perlu untuk mengadakan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan bagi tujuan latihan dan bina upaya berkaitan dengan aspek kemahiran menjana pendapatan, pendidikan dan aktiviti-aktiviti rekreasi mangsa. Selain daripada itu, kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan, perwakilan diplomatik asing dan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan adalah penting untuk memastikan mangsa-mangsa tersebut dapat dihantar pulang secara selamat ke negara asal bagi mengelakkan mereka diperdagangkan semula.

e) Membanteras Pemerdagangan Buruh

Keamanan, kemakmuran dan pembangunan pesat ekonomi negara telah menarik minat warga asing di mana majoriti daripada mereka mencari peluang pekerjaan terutamanya daripada negara-negara yang mengalami ketidakstabilan politik dan ekonomi. Pada masa yang sama, Malaysia turut memerlukan tenaga kerja warga asing di sektor-sektor tertentu seperti perkhidmatan, perladangan, perindustrian, pembangunan dan pembuatan. Pada masa kini, dianggarkan bahawa jumlah pekerja warga asing di negara ini adalah seramai 1.9 juta orang. Kebanjiran pekerja-pekerja warga asing di negara ini adalah salah satu faktor penyumbang kepada berlakunya jenayah pemerdagangan manusia. Dengan adanya Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Akta 670) serta disokong oleh Akta Kerja 1955 (Akta 265) dan perundangan buruh yang lain, ianya akan dapat membantu untuk menangani isu eksloitasi buruh.

Sebagai langkah untuk mengawal selia pengambilan tenaga kerja asing, Kerajaan Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sekurang-kurangnya 7 negara sumber termasuk satu MoU spesifik mengenai pengambilan dan penempatan pembantu rumah. Kesemua MoU ini adalah bertujuan untuk kebaikan majikan dan pekerja. Selain itu, Jawatankuasa Khas mengenai Pemerdagangan Buruh di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang bertanggungjawab secara spesifik untuk menangani isu pemerdagangan manusia.

f) Bina Upaya

Bina upaya adalah elemen yang perlu di dalam memastikan personel kesemua agensi-agensi dan badan-badan bukan kerajaan yang terlibat dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan terutamanya di bidang polisi, pencegahan, perlindungan, pemulihan dan pendakwaan. Jalinan kerjasama strategik dengan rakan-rakan luar adalah penting dalam berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan pakar-pakar yang berkaitan mengenai program pembangunan profesional untuk kesemua personel yang terlibat dalam menangani jenayah ini.

g) Pengurusan Maklumat

Pemerdagangan manusia adalah satu jenayah kompleks yang sering melibatkan sindiket-sindiket jenayah yang beroperasi secara teratur dan mempunyai jalinan rangkaian yang luas. Sehubungan itu, pengurusan maklumat secara sistematik dan berkesan adalah penting dalam memastikan agensi-agensi berkaitan dapat bertindak secara bersepada dan berkoordinasi. Maklumat-maklumat yang berkaitan juga dapat disalurkan kepada orang ramai bagi tujuan kesedaran. Pengurusan sistem maklumat akan membolehkan agensi-agensi Kerajaan mengumpul maklumat terkini, pantas dan boleh dipercayai bagi tujuan perkongsian maklumat risikan.

h) Kerjasama Pintar

Kerajaan Malaysia sedang bekerjasama dengan pihak-pihak berkaitan seperti badan-badan bukan kerajaan, masyarakat sivil, pihak swasta dan orang awam untuk menangani jenayah pemerdagangan manusia. Kerjasama dua hala dan pelbagai hala di peringkat serantau dan antarabangsa di antara Kerajaan Malaysia dengan rakan-rakan strategik termasuk pertubuhan-pertubuhan antarabangsa akan dipertingkatkan dalam menangani masalah pemerdagangan

manusia. Kerjasama ini antaranya akan meliputi aspek perkongsian risikan, perundangan, ekstradisi, bina upaya dan kesedaran awam.

i) Mengukur Prestasi dan Ketahanan

Instrumen untuk mengukur keberkesanannya bidang-bidang program dan aktiviti-aktiviti yang digariskan oleh Pelan Tindakan Kebangsaan akan dinilai berdasarkan kepada Indeks Petunjuk Prestasi dan Indeks Pencapaian Prestasi. Kedua-dua indikator ini akan memastikan keberkesanannya pengukuran dan pemantauan pencapaian keseluruhan.<sup>26</sup>

Secara keseluruhan bagi Pelan Tindakan Kebangsaan yang juga merupakan Pelan Tindakan Nasional untuk jangka masa lima tahun. Bagi jangka masa pendek (1 hingga 2 tahun), tumpuan akan diberikan bagi mempertingkatkan kerjasama dalam kalangan agensi-agensi Kerajaan dan juga dengan pihak yang berkaitan, megadakan program-program bina upaya termasuk latihan untuk pengajar/pakar, mengadakan program-program kesedaran awam serta mewujudkan kerjasama strategik di peringkat serantau dan antarabangsa. Manakala, bagi jangka masa sederhana (3 hingga 4 tahun), fokus adalah kepada menguruskan pengurangan pekerja-pekerja warga asing dan memperkuatkan perundangan domestik bagi menyokong Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dalam mencegah jenayah pemerdagangan manusia. Program jangka masa panjang pula adalah untuk meneruskan program-program jangka masa pendek dan sederhana, mengurangkan kadar kes jenayah pemerdagangan manusia dan melahirkan personel yang berkemahiran serta berpengetahuan mengenai jenayah ini terutamanya yang berkaitan dengan polisi, pencegahan, perlindungan dan pemulihan termasuk pendakwaan.<sup>27</sup>

### **Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Pemerdagangan Manusia**

Penguatkuasaan merupakan antara aspek penting dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan. Menurut kamus “Oxford Advanced Learners”, *enforce* bermaksud *to make sure a law, rule etc is obey; to make something effective or to make something happen by force or necessity...*.<sup>28</sup> Bagi memastikan penguatkuasaan berkesan, perlulah ada pihak berkuasa yang terlibat dalam menguatkuasakan undang-undang yang telah digariskan. Dalam Bahagian IV iaitu Penguatkuasaan, Seksyen 27 (1) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ini menjelaskan “pegawai yang berikut hendaklah menjadi pegawai penguatkuasa bagi Akta ini dan bolehlah menjalankan segala kuasa penguatkuasaan iaitu terdiri daripada mana-mana pegawai polis, mana-mana pegawai imigresen, pegawai kastam, pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, dan pegawai Jabatan Tenaga Kerja.”<sup>29</sup>

### Rumusan Statistik Penguatkuasaan Terhadap Pemerdagangan Manusia

Jadual 1: Statistik Kes Akta Antipemerdagangan Orang Mulai 28 Februari 2008 sehingga 31 Disember 2014

| BIL | PERKARA                                   | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | JUMLAH      |
|-----|---|------|------|------|------|------|------|------|-------------|
| 1   | JUMLAH KES                                | 17   | 151  | 132  | 117  | 195  | 100  | 186  | <b>898</b>  |
| 2   | JUMLAH ORANG DISYAKI DIPERDAGANGKAN (IPO) | 85   | 956  | 870  | 447  | 1212 | 725  | 1684 | <b>5979</b> |
| 3   | JUMLAH MANGSA (PO)                        | 29   | 206  | 471  | 220  | 445  | 323  | 303  | <b>1979</b> |
| 4   | JUMLAH TANGKAPAN                          | 20   | 217  | 195  | 159  | 244  | 154  | 249  | <b>1238</b> |

Sumber : Unit Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan  
Migran (D7C), Polis Diraja Malaysia,Bukit Aman

Berdasarkan jadual 1, statistik kes Akta Antipemerdagangan Orang mula dikuatkuasakan pada 28 Februari 2008 sehingga 31 Disember 2014. Jumlah Orang yang disyaki diperdagangkan atau Perintah Perlindungan Sementara (IPO) adalah sebanyak 5979 iaitu lebih banyak berbanding jumlah mangsa (PO). Hal ini kerana, setelah melalui proses siasatan, hanya 1997 mangsa sahaja disyaki terlibat dalam Akta Antipemerdagangan Orang. Mangsa yang terlibat ini akan diberikan Perintah Perlindungan (PO) dan akan ditempatkan di pusat tahanan atau Rumah Perlindungan yang telah ditetapkan. Selebihnya, mangsa yang disyaki diperdagangkan atau IPO akan dirujuk kepada kes lain seperti Akta Imigresen 1959/63 dan lain-lain.

Berdasarkan statistik di atas, jumlah kes adalah tidak konsisten dan mengalami penurunan dan kenaikan dari tahun 2008 sehingga 2014. Jumlah orang yang disyaki diperdagangkan akan mendapat perintah perlindungan sementara selama 14 hari. Dalam masa 14 hari ini, Pegawai Penyiasat (IO) dan Pegawai Pelindung akan menjalankan siasatan. Dalam tempoh ini juga, mangsa akan ditempatkan di rumah perlindungan dan tidak dibenarkan untuk keluar. Pegawai Penyiasat dan Pegawai Pelindung akan membuat repot bersama bagi menentukan sama ada mangsa terlibat dengan kes Akta Antipemerdagangan Orang ataupun tidak. Sekiranya mangsa terlibat dengan Akta Antipemerdagangan Orang, Pegawai Penyiasat akan merujuk kepada majistret untuk mendapatkan Perintah Perlindungan (PO). Bagi PO, tempoh 3 bulan untuk bukan warganegara dan tempoh 2 tahun untuk warganegara.<sup>30</sup> Apabila PO dikeluarkan, mangsa akan ditempatkan di pusat tahanan atau rumah perlindungan. Bagi yang tidak terlibat, mereka akan dibebaskan atau dirujuk kepada akta-akta lain untuk tindakan seterusnya. Selepas tamat tempoh PO, mangsa akan dihantar balik ke negara asal.

Jadual 2: Jenis Eksplotasi Mengikut Tafsiran Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang 2007  
 mulai 28 Februari 2008 sehingga 31 Disember 2014

| BIL      | KESALAHAN                                       | 2008      | 2009       | 2010       | 2011       | 2012       | 2013       | 2014       | JUMLAH     |
|----------|---|-----------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| <b>1</b> | <b>EKSPLOITASI</b>                              |           |            |            |            |            |            |            |            |
|          | SEKS  | 17        | 108        | 67         | 52         | 102        | 58         | 105        | <b>509</b> |
|          | KERJA PAKSA                                     | 0         | 25         | 34         | 46         | 66         | 40         | 80         | <b>291</b> |
|          | PERHAMBAAN                                      | 0         | 0          | 0          | 0          | 0          | 0          | 0          | <b>0</b>   |
|          | PENGABDIAN                                      | 0         | 0          | 0          | 0          | 0          | 0          | 0          | <b>0</b>   |
|          | PEMINDAHAN ORGAN MANUSIA                        | 0         | 0          | 0          | 0          | 0          | 0          | 0          | <b>0</b>   |
| <b>2</b> | <b>LAIN-LAIN KESALAHAN :-</b>                   |           |            |            |            |            |            |            |            |
|          | <b>KESALAHAN DIBAWAH AKTA IMIGRESEN</b>         |           |            |            |            |            |            |            |            |
|          | PENYELUDUPAN MIGRAN (SEBELUM PINDAAN AKTA ATIP) | 0         | 15         | 11         | 0          | 0          | 0          | 0          | <b>26</b>  |
|          | EKSPLOITASI UNTUK VISA                          | 0         | 0          | 0          | 10         | 22         | 2          | 0          | <b>34</b>  |
|          | PENJUALAN BAYI                                  | 0         | 3          | 20         | 9          | 5          | 0          | 1          | <b>38</b>  |
|          | <b>JUMLAH</b>                                   | <b>17</b> | <b>151</b> | <b>132</b> | <b>117</b> | <b>195</b> | <b>100</b> | <b>186</b> | <b>898</b> |

Sumber : Unit Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (D7C), Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman

Berdasarkan jadual 2 iaitu pecahan jenis eksplotasi mengikut tafsiran seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang 2007, terdapat 5 kategori eksplotasi iaitu seks, kerja paksa, perhambaan, pengabdian dan pemindahan organ manusia. Manakala, bagi lain-lain kesalahan pula termasuk kesalahan di bawah Akta Imigresen di mana ia diguna pakai semasa sebelum pindaan Akta Antipemerdagangan Orang, eksplotasi untuk visa dan juga penjualan bayi. Eksplotasi juga turut berlaku apabila seseorang itu dijanjikan dengan pekerjaan lain namun apabila sampai di Malaysia mereka diberi pekerjaan lain, tidak dibayar gaji atau gaji yang diterima tidak seperti yang dijanjikan di dalam kontrak.<sup>31</sup>

Secara rumusnya, jumlah keseluruhan kes yang dicatat mengikut jenis eksplotasi berdasarkan tafsiran Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 sepanjang 2008 sehingga 2014 adalah sejumlah 898 kes (berdasarkan jadual 3). Melalui jumlah ini, Polis Diraja Malaysia selaku agensi penguatkuasa utama negara telah mencatatkan sebanyak 701 kes, Jabatan Imigresen Malaysia sebanyak 165 kes, 22 kes dicatatkan oleh Jabatan Tenaga Kerja, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia mencatat 8 kes dan 2 kes dicatatkan oleh Kastam Diraja Malaysia.

Jadual 3: Tindakan Oleh Agensi-Agenzi Penguatkuasaan Mulai 28 Februari 2008 sehingga 31 Disember 2014

| il | Perkara                                       | 2008      | 2009       | 2010       | 2011       | 2012       | 2013       | 2014       | Jumlah     |
|----|---|-----------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| 1  | Polis Diraja Malaysia                         | 15        | 127        | 104        | 86         | 140        | 82         | 147        | 701        |
| 2  | Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)              | 2         | 24         | 20         | 26         | 48         | 17         | 28         | 165        |
| 3  | Jabatan Tenaga Kerja (JTK)                    | 0         | 0          | 0          | 4          | 7          | 1          | 10         | 22         |
| 4  | Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) | 0         | 0          | 6          | 1          | 0          | 0          | 1          | 8          |
| 5  | Kastam Diraja Malaysia (KDRM)                 | 0         | 0          | 2          | 0          | 0          | 0          | 0          | 2          |
|    | <b>Jumlah</b>                                 | <b>17</b> | <b>151</b> | <b>132</b> | <b>117</b> | <b>195</b> | <b>100</b> | <b>186</b> | <b>898</b> |

Sumber : Unit Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (D7C), Polis Diraja Malaysia,Bukit Aman

### **Langkah Perlindungan Terhadap Mangsa Pemerdagangan Manusia**

Setelah aspek penguatkuasaan dilakukan oleh pihak kerajaan, mangsa-mangsa yang diselamatkan ini akan ditempatkan di tempat khas yang lebih dikenali sebagai Rumah Perlindungan (RP). Berdasarkan kenyataan media Kementerian Dalam Negeri, kritikan utama dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat 2014 adalah mengenai aspek perlindungan terhadap mangsa pemerdagangan manusia. Jabatan Negara Amerika Syarikat telah mengkritik bahawa Malaysia tidak memenuhi piawaian antarabangsa dalam aspek perlindungan. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah melakukan penambahbaikan dalam aspek perlindungan dengan meningkatkan kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan beberapa lagi perkara lain. Aspek perlindungan juga merupakan antara inisiatif utama yang diberikan tumpuan oleh kerajaan dalam Pelan Tindakan Kebangsaan (2010-2015).

### **Perintah Perlindungan Sementara (IPO) Dan Perintah Perlindungan (PO)**

Perintah Perlindungan Sementara (IPO) merupakan satu perintah tahanan selama 14 hari yang dikenakan kepada mangsa-mangsa yang diselamatkan. Dalam tempoh 14 hari ini, Pegawai Penyiasat dan Pegawai Pelindung akan membuka kertas siasatan untuk menyiasat sama ada mangsa yang diselamatkan adalah disabitkan dengan Akta Antipemerdagangan Orang atau sebaliknya. Sekiranya mangsa tidak disabitkan dengan kes Akta Antipemerdagangan Orang, mangsa akan dihantar pulang ataupun diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya.

Seandainya mangsa didapati telah dieksplotasi dan boleh disabitkan dengan Akta Antipemerdagangan Orang, pihak Majistret akan mengeluarkan Perintah Perlindungan untuk menempatkan mangsa di Rumah Perlindungan. Perintah Perlindungan terhadap mangsa yang

bukan warganegara adalah selama 3 bulan, manakala tempoh 2 tahun terhadap warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, tempoh Perintah Perlindungan ini boleh ditambah sekiranya kes tersebut belum selesai sehingga kes tersebut selesai.<sup>32</sup> Apabila kes telah selesai, Perintah Perlindungan tersebut akan dibatalkan dan mangsa akan dihantar pulang ke negara asal. Sepanjang tempoh Perintah Perlindungan Sementara dan Perintah Perlindungan, mangsa tidak dibenarkan keluar dari Rumah Perlindungan. Dalam masa yang sama, sekiranya mangsa tidak diperlukan untuk siasatan, mangsa juga akan dihantar pulang ke negara asal.

Berdasarkan Seksyen 54 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, apabila sesuatu Perintah Perlindungan dibatalkan atau tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam sesuatu Perintah Perlindungan, Pegawai Pelindung mestilah melepaskan orang itu sekiranya mangsa adalah warganegara Malaysia. Sekiranya mangsa merupakan warganegara asing, mangsa mestilah diserahkan kepada Pegawai Imigresen untuk tindakan selanjutnya berdasarkan Akta Imigresen 1959/63. Pegawai Imigresen mestilah mengambil langkah yang sewajarnya bagi menguruskan penghantaran pulang mangsa ke negara asal tanpa kelengahan yang tidak perlu dan perlu mengambil kira aspek keselamatan terhadap mangsa.<sup>33</sup>

### **Program Terhadap Mangsa Pemerdagangan Manusia**

Bagi kerajaan, adalah perlu untuk menyediakan tempat perlindungan dan kemudahan-kemudahan asas lain yang mematuhi standard minima antarabangsa. Kemudahan asas dan keperluan perlu disediakan untuk keselesaan mangsa-mangsa pemerdagangan manusia ini supaya mereka merasa terkawal dan selamat. Penyediaan pusat pemulihan yang mempunyai perkhidmatan yang berdasarkan kepada amalan-amalan terbaik adalah signifikan untuk membantu mental dan emosi mangsa-mangsa tersebut semasa menjalani proses pemulihan. Sehubungan dengan itu, mangsa-mangsa berkenaan akan berada dalam keadaan yang tenang dan bersedia untuk membantu pihak berkuasa dari aspek siasatan dan pendakwaan. Program-program terhadap mangsa pemerdagangan manusia meliputi bantuan kesihatan, bantuan kaunseling dan juga latihan vokasional dan kemahiran.

Dalam pada itu, NGO di negara ini diyakini mempunyai kapakaran untuk melindungi dan mengurus mangsa pemerdagangan manusia dan sekali gus dapat membantu pihak kerajaan untuk mengambil alih peranan berkenaan. Sekiranya peranan tersebut dipikul oleh NGO, kerajaan boleh memberikan tumpuan yang lebih kepada aspek pencegahan, penguatkuasaan undang-undang dan pendakwaan.<sup>34</sup>

### **Bantuan Kesihatan**

Bantuan kesihatan merupakan antara langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan kebijakan mangsa di Rumah Perlindungan adalah terjamin. Sekiranya mangsa didapati cedera atau mempunyai masalah kesihatan, mangsa akan diberikan rawatan sama ada di hospital atau klinik. Pada masa yang sama, Pegawai Perubatan juga akan datang secara berkala ke Rumah Perlindungan dan mangsa-mangsa di Rumah Perlindungan ini akan dapat menjalani rawatan secara percuma tanpa sebarang bayaran.

Dalam pada itu, sekiranya mangsa didapati mengalami kecederaan ketika operasi yang dijalankan oleh pihak berkuasa, mangsa juga akan diberikan rawatan sama ada di hospital atau di Rumah Perlindungan. Ini kerana, ketika mangsa diselamatkan, terdapat mangsa yang didapati telah dirogol, didera atau mengalami kecederaan sepanjang mangsa dieksplotasi dan pihak polis akan menghantar mangsa ke hospital untuk diberikan rawatan. Pada masa yang sama pihak polis akan memohon Perintah Perlindungan Sementara (IPO). Sekiranya mangsa masih memerlukan rawatan, mangsa akan terus berada di hospital dan sekiranya mangsa sudah boleh keluar dari hospital, mangsa akan ditempatkan di Rumah Perlindungan.<sup>35</sup>

### **Kaunseling**

Program terhadap mangsa juga turut melibatkan program kaunseling. Kerajaan juga telah melantik beberapa NGO untuk turut terlibat dalam program kaunseling di Rumah Perlindungan. Dalam pada itu, kerajaan mempunyai hubungan yang baik dengan pihak-pihak NGO kerana beberapa NGO telah menjadi ahli dalam Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran. Antara badan NGO tersebut adalah terdiri daripada *National Council of Women's Organisations* (NCWO), Majlis Kanak-Kanak Malaysia (MKKM), Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), *Coalition to Abolish Modern Day Slavery* (CAMSA), dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Bantuan kaunseling juga turut melibatkan NGO yang lain seperti Persatuan Suara Kanak-Kanak (SUKA Society), Kelab Rotary Sunway, Suruhanjaya Tinggi PBB mengenai pelarian dan lain-lain. Sokongan melalui kaunseling trauma psikologi diberikan kepada mangsa sebaik sahaja mereka ditempatkan di Rumah Perlindungan. Pihak Rumah Perlindungan akan memberi keyakinan kepada mangsa bahawa mereka selamat dan dilindungi sepanjang berada di Rumah Perlindungan.

Memandangkan mangsa-mangsa berasal dari pelbagai negara, pihak kaunselor perlu memahami latar belakang budaya dan bahasa pertuturan mereka. Kebanyakan mangsa tidak boleh berbahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, atau Tamil terutama mangsa-mangsa dari Vietnam, Thailand, dan Kemboja. Oleh itu, Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama daripada NGO dan kedutaan negara masing-masing akan bersama membantu kelancaran sesi kaunseling. Dalam aktiviti kaunseling sama ada individu atau kelompok, mangsa boleh berkongsi serta meluahkan apa yang ada dalam fikiran atau perasaan mereka bersama kaunselor. Program kaunseling juga turut melibatkan terapi bercerita, menyanyi, melukis, menari dan seumpamanya.<sup>36</sup>

### **Latihan Vokasional**

Latihan vokasional dan kemahiran turut diberikan kepada mangsa sepanjang berada di Rumah Perlindungan. Latihan seperti membuat kraftangan dan latihan yang boleh menjana pendapatan kepada mangsa turut dilakukan. Selepas mangsa keluar daripada Rumah Perlindungan (RP), sekurang-kurangnya mangsa memiliki kemahiran asas untuk bekerja dan mencari pendapatan. Hasil kraftangan yang dibuat oleh mangsa sepanjang berada di Rumah Perlindungan juga boleh dijual dan sekali gus akan menjana pendapatan untuk mangsa.<sup>37</sup> Program-program latihan yang diberikan kepada mangsa ini turut dijalankan dengan kerjasama oleh pihak badan bukan kerajaan.

### **Komitmen dan Penambahbaikan**

Kerajaan juga telah mengambil langkah penambahbaikan terhadap aspek perlindungan mangsa pemerdagangan manusia. Sebelum ini, mangsa-mangsa tidak dibenarkan bekerja selepas tamat Perintah Perlindungan. Namun, pada tahun 2013, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan memberikan kepada 32 orang Bangladesh untuk bekerja dalam sektor perladangan selepas tamat Perintah Perlindungan dan program ini sedang berjalan pada masa ini.<sup>38</sup> Apabila pihak MAPO berpuas hati dengan kerjasama mangsa, mangsa mungkin akan diberikan bekerja namun aspek-aspek keselamatan turut diambil kira oleh kerajaan bagi memastikan mangsa tidak lagi dieksplotasi seperti sebelum ini.

Mangsa juga diberikan kebenaran untuk tinggal di Rumah Perlindungan sebelum proses penghantaran pulang selepas tamat Perintah Perlindungan. Apabila mangsa tamat tempoh Perintah Perlindungan, mangsa sepautnya diantar pulang ke negara asal. Namun, urusan dokumentasi dengan pihak kedutaan negara mangsa kebiasaan akan mengambil masa dan mangsa-mangsa ini dibenarkan tinggal di Rumah Perlindungan sementara urusan dokumen dan urusan penghantaran pulang mereka siap sepenuhnya. Selepas selesai urusan di Mahkamah, mangsa akan diserahkan kepada pihak Jabatan Imigresen untuk proses penghantaran pulang. Bagi proses penghantaran pulang, kerajaan Malaysia cuba untuk meletakkan beban kos penghantaran kepada negara asal mangsa namun terdapat beberapa kes yang mana Malaysia terpaksa menanggung kos perbelanjaan penghantaran pulang mangsa ke negara asal.<sup>39</sup>

Selepas mangsa diantar pulang ke negara asal, ia sudah menjadi tanggungjawab diri mangsa sendiri. Namun, sepanjang mangsa berada di Rumah Perlindungan, keselamatan mangsa adalah dijamin selamat dan identiti mangsa tidak akan didedahkan kerana mangsa berada di Rumah Perlindungan kerajaan yang dikawal. Walau bagaimanapun, dengan penambahbaikan iaitu pemberian pekerjaan kepada mangsa selepas tamat Perintah Perlindungan, kerajaan tetap mengambil kira aspek keselamatan mangsa untuk bekerja di sektor-sektor tertentu.

## Kesimpulan

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kes pemerdagangan manusia kurang diberi perhatian oleh kerajaan sebelum penggubalan akta khas untuk isu ini. Ramai yang masih keliru tentang maksud sebenar pemerdagangan manusia dan tidak dapat membezakan pemerdagangan manusia dengan penyeludupan migran. Bagi pemerdagangan manusia, sebarang bentuk pengeksploitasi terhadap manusia sudah boleh dikelaskan sebagai pemerdagangan manusia manakala penyeludupan migran adalah sebarang pengaturan atau perancangan untuk memudahkan atau menyediakan perkhidmatan bagi tujuan kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau ke mana-mana negara.

Kedudukan negara Malaysia yang begitu strategik di rantau Asia Tenggara memberi cabaran yang besar kepada Malaysia untuk berdepan dengan isu ini. Dengan keadaan sempadan negara yang meliputi kawasan daratan dan juga lautan dengan beberapa negara jiran juga memberikan cabaran terutama dalam aspek penguatkuasaan di kawasan sempadan. Sudah pasti kita tertanya, mengapa sindiket-sindiket ini boleh melepas sempadan negara walaupun di kawal oleh anggota-anggota keselamatan termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Seharusnya, isu ini perlu dikaji secara mendalam oleh pihak kerajaan dan kerajaan juga perlu mengenal pasti kawasan-kawasan *hot spot* yang perlu diberi perhatian termasuk meningkatkan lagi kawalan sempadan.

Dalam pada itu, kedudukan negara Malaysia di *Tier 3* pada tahun 2014 sudah pasti memberi tamparan hebat kepada kerajaan Malaysia. Bagi kedudukan *Tier 3*, ia membawa maksud bahawa kerajaan tidak melakukan apa-apa usaha dan tidak mengaplikasikan sepenuhnya Akta Pemerdagangan Perlindungan Mangsa (TVPA). Kerajaan Malaysia menafikan perkara ini dan telah menyatakan bahawa Malaysia telah membuat usaha yang bersungguh-sungguh untuk membanteras pemerdagangan manusia. Namun, mungkin apa yang Malaysia lakukan tidak menepati apa yang pihak Amerika Syarikat inginkan. Oleh kerana itu, kerajaan pada masa ini sedang berusaha untuk meminda akta bagi meningkatkan lagi tahap keberkesanan dan menepati piawaian antarabangsa.

Daripada pengkajian yang dilakukan ini mendapati pelbagai cabaran yang wujud dalam usaha Malaysia untuk membanteras kegiatan pemerdagangan manusia. Selagi permintaan tetap wujud, selagi itulah pemerdagangan manusia ini terus berlaku. Kerajaan pada masa yang sama ingin mengubah kedudukan *Tier* ke kedudukan yang lebih baik terpaksa berdepan pula dengan pelbagai cabaran-cabaran lain seperti kebanjiran pendatang asing, kritikan oleh Amerika Syarikat dan pada masa sama kerajaan terpaksa membelanjakan kos yang tinggi untuk membanteras kegiatan pemerdagangan manusia.

---

## Nota

\* Dr. Lili Yulyadi Arnakim ([lili.yulyadi@binus.edu](mailto:lili.yulyadi@binus.edu)) merupakan Pensyarah di Jabatan Hubungan Antarbangsa Universitas Bina Nusantara (BINUS) Jakarta, Indonesia

\*\*Muhammad Zulhadis ([muhamadzulhadis247@gmail.com](mailto:muhamadzulhadis247@gmail.com)) merupakan Graduan dari Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya (UM)

<sup>1</sup> Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, *Informasi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran*.

<sup>2</sup> Ibid

<sup>3</sup> Sinar Harian, *Pemerdagangan Manusia: Ada Tarikan*, 8 September 2013.

<sup>4</sup> Mohd Bakri Mohd Zinin, "Jenayah dan Isu Pemerdagangan Orang di Kalangan Warga Asing," In : *Proceedings Seminar On National Resilience (SNAR 2010) "Political Management and Policies in Malaysia"*, 13-15 July 2010, Sintok : Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, hlm 3.

<sup>5</sup> Bentuk-Bentuk Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran melalui <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/pemerdagangan-orang/9842-bentuk-bentuk-pemerdagangan-orang-dan-penyeludupan-migran.html> (diakses pada 30 Oktober 2014)

<sup>6</sup> Kathryn Cullen-DuPont, *Global Issues: Human Trafficking*, New York : Infobase Publishing, 2009, hlm 26.

<sup>7</sup> Joyce Hart, *Human Trafficking*, United States of America, 2009.

<sup>8</sup> Karen Beeks ,Delila Amir,ed., *Trafficking and The Global Sex Industry*, United States of America : Lexington Books, 2006, hlm 55.

<sup>9</sup> Portal Rasmi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia melalui : <http://www.suhakam.org.my/ms/human-trafficking/> (diakses pada 1 November 2014)

<sup>10</sup> Mohd Bakri Mohd Zinin, "Jenayah dan Isu Pemerdagangan Orang di Kalangan Warga Asing,"

<sup>11</sup> Kajian Lapangan di MAPO, Kementerian Dalam Negeri, 3 November 2014.

<sup>12</sup> Department of States, *Trafficking in Persons Report (10th Ed.)*, United States of America, 2010, hlm 223.

<sup>13</sup> Temubual bersama Tn Pius Anak Ingong, Pegawai MAPO Kementerian Dalam Negeri, 3 November 2014.

<sup>14</sup> Ibid.

<sup>15</sup> Kajian Lapangan di MAPO, Kementerian Dalam Negeri, 3 November 2014.

<sup>16</sup> Kamarulnizam Abdullah,ed., *Keselamatan Nasional Malaysia*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, hlm 85.

<sup>17</sup> Tan Geck Choon, *Pelacur Imigran Cina di Pulau Pinang*, Universiti Sains Malaysia, 2013.

<sup>18</sup> Sheila Devi Michael,"*Human Trafficking in Malaysia: Trends and Challenges*", Paper Proceeding of the Global Conference on Business, Economic and Social Science (GBSR 2013), Faculty of Arts & Social Science, University Malaya.

<sup>19</sup> Laman Web Rasmi, Kementerian Dalam Negeri.

<sup>20</sup> Gusni Saat, Isu-isu Pelaksanaan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Malaysia) : Interpretasi Dimensi Sosiologikal, *Akademika* 82 (1)(Jan-Apr 2012), hlm 51.

<sup>21</sup> Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, *Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015)*, hlm 1.

<sup>22</sup> Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, *Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015)*, hlm 3.

<sup>23</sup> Temubual bersama Tn Pius Anak Ingong, Pegawai MAPO Kementerian Dalam Negeri, 3 November 2014.

<sup>24</sup> Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, *Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015)*, hlm 5.

<sup>25</sup> Ibid., hlm 9.

<sup>26</sup> Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, *Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015)*, hlm 14.

<sup>27</sup> Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, *Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015)*, hlm 15.

<sup>28</sup> Kamus Oxford Advanced Leaners.

<sup>29</sup> Undang-Undang Malaysia (Cetakan Semula), Akta 670 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, Diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, hlm 30.

<sup>30</sup> Temubual bersama Tn Pius Anak Ingong, Pegawai MAPO Kementerian Dalam Negeri, 3 November 2014.

<sup>31</sup> Temubual bersama ASP Mohd Hadzwan Zulkefle, Pegawai Unit ATIP Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, 3 April 2015.

<sup>32</sup> Temubual bersama Tn Pius Anak Ingong, Pegawai MAPO Kementerian Dalam Negeri, 3 November 2014.

<sup>33</sup> Undang-Undang Malaysia (Cetakan Semula), Akta 670 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, Diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, hlm 48.

<sup>34</sup> <http://www.sinarharian.com.my/rencana/ngo-mampu-pulih-trauma-mangsa-pemerdagangan-orang-1.258025> (diakses pada 24 Mei 2015)

<sup>35</sup> Temubual bersama Tn Pius Anak Inggong, Pegawai MAPO Kementerian Dalam Negeri, 3 November 2014.

<sup>36</sup> *Bantu Wanita Mangsa Pemerdagangan Orang Meneruskan Kehidupan* melalui <http://mapo.bernama.com/news.php?id=611926> (diakses pada 27 Mei 2015)

<sup>37</sup> Temubual bersama ASP Mohd Hadzwan Zulkefle, Pegawai Unit ATIP Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, 3 April 2015.

<sup>38</sup> Temubual bersama Tn Pius Anak Inggong, Pegawai MAPO Kementerian Dalam Negeri, 3 November 2014.

<sup>39</sup> Temubual bersama ASP Mohd Hadzwan Zulkefle, Pegawai Unit ATIP Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, 3 April 2015.

## Rujukan

*Bantu Wanita Mangsa Pemerdagangan Orang Meneruskan Kehidupan* melalui <http://mapo.bernama.com/news.php?id=611926>.

Bentuk-Bentuk Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran melalui <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/pemerdagangan-orang/9842-bentuk-bentuk-pemerdagangan-orang-dan-penyeludupan-migran.html>.

Department of States, Trafficking in Persons Report (10th Ed.), United States of America, 2010.

Gusni Saat, Isu-isu Pelaksanaan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Malaysia) : Interpretasi Dimensi Sosiologikal, *Akademika* 82 (1)(Jan-Apr 2012).

<http://www.sinarharian.com.my/rencana/ngo-mampu-pulih-trauma-mangsa-pemerdagangan-orang-1.258025>

Joyce Hart, *Human Trafficking*, United States of America, 2009.

Kajian Lapangan di MAPO, Kementerian Dalam Negeri, 3 November 2014.

Kamarulnizam Abdullah,ed., *Keselamatan Nasional Malaysia*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.

Kamus Oxford Advanced Leaners.

Karen Beeks ,Delila Amir,ed., *Trafficking and The Global Sex Industry*, United States of America : Lexington Books, 2006.

Kathryn Cullen-DuPont, *Global Issues:Human Trafficking*, New York : Infobase Publishing, 2009.

Laman Web Rasmi, Kementerian Dalam Negeri.

Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, Informasi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran

Mohd Bakri Mohd Zinin, “Jenayah dan Isu Pemerdagangan Orang di Kalangan Warga Asing,” In : *Proceedings Seminar On National Resilience (SNAR 2010) “Political Management and Policies in Malaysia”*, 13-15 July 2010, Sintok : Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad’s Thoughts, Universiti Utara Malaysia.

Portal Rasmi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia melalui : <http://www.suhakam.org.my/ms/human-trafficking/>

Sheila Devi Michael, ”*Human Trafficking in Malaysia: Trends and Challenges*”, Paper Proceeding of the Global Conference on Business, Economic and Social Science (GBSR 2013), Faculty of Arts & Social Science, University Malaya.

Sinar Harian, Pemerdagangan Manusia: Ada Tarikan, 8 September 2013.

Tan Geck Choon, *Pelacur Imigran Cina di Pulau Pinang*, Universiti Sains Malaysia, 2013.

Temubual bersama ASP Mohd Hadzwan Zulkefle, Pegawai Unit ATIP Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, 3 April 2015.

Temubual bersama Tn Pius Anak Inggong, Pegawai MAPO Kementerian Dalam Negeri, 3 November 2014.

Undang-Undang Malaysia (Cetakan Semula), Akta 670 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, Diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.